



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI
MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

PERANG PERDAGANGAN NEGARA CHINA – AS

Perang perdagangan yang berterusan di antara Republik Rakyat China dan Amerika Syarikat mempunyai kesan yang memudaratkan kepada kepentingan semua negara, terutamanya bagi negara-negara berekonomi kecil.

Malaysia mengambil keputusan untuk berkecuali daripada mana-mana tindakan unilateral dan sebaliknya akan menantikan hasil yang positif dan konstruktif apabila kedua-dua ekonomi terbesar dunia kembali ke meja rundingan pada awal Oktober yang akan datang.

Pada masa yang sama, Malaysia akan terus mengukuhkan hubungannya dengan rakan-rakan serantau ASEAN dan meneruskan kerjasama bagi membangun sinergi dengan Negara China dan AS.

Kami yakin bahawa pendekatan melalui kerangka multilateral itu adalah cara terbaik untuk memajukan kepentingan semua pihak.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwai Ekonomi

9 September 2019